

# Memasyarakatkan budaya integriti

PIN harus jadi gerakan massa bagi perkukuh ketelusan perangi rasuah



**S**IAPAPUN yang mengikuti program Debat Perdana musim keenam dikendalikan saya di RTM1 setiap malam Selasa akan mendapati bahawa tebalnya prasangka orang ramai terhadap apa yang difahamkan mengenai 'integriti'. Integriti dipilih menjadi bahan perbincangan dalam program itu sejak lima minggu yang lalu. Sudah tentulah setiap orang mempunyai fahaman mereka sendiri mengenai integriti. Sering pula pandangan itu dikelabui persepsi, pengalaman dan tafsiran berbeza-beza.

Ambil saja contoh beberapa undian khidmat pesanan ringkas (SMS) yang dibuat ketika sesuatu tajuk khusus dibincangkan - misalnya integriti sistem kehakiman dan kemampuan kita melahirkan masyarakat berintegriti. Keputusan undian itu mendapati bahawa masih tebal prasangka terhadap sistem kehakiman dan kemampuan melahirkan masyarakat seperti itu. Apakah itu tandanya tidak ada harapan lagi untuk membetulkan keadaan? Atau kita harus menyalah dan mengatakan integriti tidak boleh dimantapkan di negara ini?

Menurut pandangan ini, integriti tidak ada harapan dan tempatnya lagi. Segala-galanya sudah menjadi begitu bobrok, sistem nilai kita sudah teruk, semua jentera kerajaan korup serta sistem penyampaian gagal, kecekapan tidak wujud dan etika perniagaan tidak dapat dipertahankan. Dipendekkan cerita, integriti hanya impian kosong yang tidak ada maknanya dalam masyarakat Malaysia hari ini.

Keadaan negatif ini memang mudah digambarkan sebagai alasan untuk menolak keperluan integriti. Di tengah masyarakat yang mementingkan kebendaan dan ketika sempadan dunia semakin menghilang, soal integriti tidak lebih persoalan akademik. Siapakah yang percaya lagi pada nilai murni, ketelusan, akauntabiliti, etika dan sebagainya? Siapakah yang percaya bahawa apa disebutkan Pelan Integriti Nasional (PIN) itu mempunyai sebarang makna lagi pada masyarakat yang semakin rakus dan hilang tatasusilanya?

Salah. Integriti penting bagi kita. Kita harus mengembalikan kewarasan. Kita harus memurnikan semula masyarakat. Kita harus memantapkan budaya integriti. Kita harus memastikan integriti menjadi teras kehidupan masyarakat. Lebih penting lagi kita harus bekerja ke arah melahirkan masyarakat yang berintegriti. Kita tidak ada pilihan lain sebenarnya. Maruah dan harga diri kita bergantung padanya.

Sekiranya kita perhatikan apa disebutkan sebagai 'Tekad 2008' dalam PIN akan terlihat komitmen yang tegas untuk:

- Mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa secara berkesan;
- Meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi kerenah birokrasi;
- Meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan;
- Memantapkan institusi keluarga; dan
- Mengekalkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.

Tiada yang mustahil dalam sasaran itu. Kata orang hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Memang mudah mencari alasan memperlecehkannya, te-

INTI PATI

## Pelan Integriti Nasional (PIN)

- Integriti penting bagi kita untuk mengembalikan kewarasan dan memurnikan semula masyarakat. Kita harus memantapkan budaya integriti, memastikan integriti menjadi teras kehidupan masyarakat. Lebih penting lagi harus bekerja ke arah melahirkan masyarakat berintegriti.
- PIN tidak akan berjaya tanpa pembabitan semua pihak. Banyak faktor boleh menjejaskan PIN. Paling penting tentulah aspek kepemimpinan, khususnya kepemimpinan politik.
- Strategi PIN harus bermula daripada gerakan pemantapan hingga menentukan agenda khusus dan menggerakkan strategi pelaksanaan dan cara mengatur pelan tindakannya.
- Idea mengenai PIN terdetik daripada satu tinjauan ke atas pelajar mendapati peratusan agak tinggi menyatakan kecenderungan untuk menjadi korup jika ada kesempatan.
- PIN akan menjadi bahan cemuhan jika rasuah berterusan, sistem penyampaian tidak diperbaiki, pemimpin korup dan masyarakat tidak lagi mementingkan nilai yang baik.

tapi kita harus memulakan langkah ke arah itu. Apabila Institut Integriti Malaysia (IIM) diwujudkan, ia tidak harus menjadi satu lagi lapisan birokrasi dan jentera pentadbiran. IIM akan memastikan PIN tidak tinggal janji dan harapan. IIM diberikan amanah untuk mendekati soal pemantapan integriti secara holistik dan menjadikan PIN gagasan penting bagi negara.

Tentulah PIN tidak akan berjaya tanpa pembabitan semua pihak. Banyak faktor boleh menjejaskan PIN. Paling penting tentulah aspek kepemimpinan, khususnya kepemimpinan politik. Pemimpin mesti menunjukkan teladan yang baik. Lebih penting pemimpin harus mematuhi undang-undang, prosedur dan peraturan. Undang-undang tidak wujud untuk dilaksanakan secara berpilih-pilih. Sekiranya soal kepemimpinan ini rosak, maka seluruh sistem integriti itu akan terjejas.

Faktor lain yang boleh menjejaskan integriti ialah sistem dan prosedur. PIN dengan jelas menggaris enam aspek membabitkan sistem dan prosedur ini, antaranya kurangnya ketelusan dalam urusan membabitkan kepentingan awam seperti sistem tender; kelemahan sistem, prosedur dan garis panduan bagi menjalankan tugas dan penguatkuasaan yang tidak berkesan. Kelemahan kaedah pemantauan juga boleh menjejaskan pelaksanaan sistem. Faktor lain yang menjejaskan integriti ialah struktur dan institusi, budaya selain peranan individu atau anggota masyarakat. PIN tidak akan menjadi kenyataan tanpa pembabitan dan komitmen semua pihak.

Dalam isu terpenting PIN, terasnya harus bermula dari akar. Akar yang sihat saja akan memastikan pohon yang subur dan rendah. Sekiranya akar rosak, pokok akan binasa. Maka, itu strategi PIN harus bermula daripada gerakan pemantapan hingga menentukan agenda khusus dan menggerakkan strategi pelak-

sanaan dan cara mengatur pelan tindakannya. Tetapi sekali lagi, rancangan yang baik selalunya akan gagal sekiranya hanya bertolak daripada niat yang baik. PIN juga boleh menjadi sekadar gagasan besar dan janji politik. Rakyat di bawah memerlukan lebih daripada janji.

Maka, isu integriti ini harus dibawa ke bawah - maksudnya 'dimasyarakatkan'. Untuk menjadikan PIN satu kenyataan, ia harus mendapat dokongan massa. PIN akan menjadi bahan cemuhan jika rasuah berterusan, sistem penyampaian tidak diperbaiki, pemimpin korup dan masyarakat tidak lagi mementingkan nilai yang baik. Oleh itu, 'pendidikan integriti' amat penting. Seperti juga sekolah harus memainkan peranan membina landas moral dan etika yang baik, institusi sekolah juga harus membantu kerajaan menggerakkan pemahaman terhadap PIN.

Malah, idea mengenai PIN terdetik daripada satu tinjauan dibuat ke atas pelajar mendapati peratusan yang agak tinggi menyatakan kecenderungan untuk menjadi korup jika ada kesempatan. Maka, selain perlunya keperluan integriti diselitkan dalam pengajaran moral atau agama di sekolah, penerangan mengenai integriti harus digerakkan pada peringkat pelajar secara meluas dan berterusan.

Pada masa sama proses memasyarakatkan integriti bermakna membawanya turun ke gelanggang. Integriti perlu di bawa pada orang ramai. Rakyat harus faham makna dan implikasinya. Satu gerakan massa harus berlaku bagi memastikan PIN dihayati sebaiknya. Jika perlu, PIN dibawa ke pentas terbuka seperti balai raya dan menjadikannya sebahagian daripada proses sosialisasi. PIN harus menjadi gerakan massa.

IIM memulakan langkah mengetengahkan integriti pada masyarakat menerusi kerjasama dengan RTM menggunakan slot Debat Perdana. Usaha lain harus dicari bagi 'menjual' integriti pada masyarakat. Media massa boleh memainkan peranan lebih besar dalam soal ini. Penerangan dan penjelasan berterusan boleh digerakkan agar agenda integriti dapat disebarkan pada masyarakat.

Pokok pangkalnya ialah kesediaan kita untuk menjadikannya satu kenyataan. Kita boleh mencemuh usaha ini. Banyak yang percaya tidak ada maknanya bercakap mengenai integriti jika masyarakat sudah bersarang dengan nilai buruk. Atau apabila pemimpin korup dan sistem penyampaian membebaskan rakyat, tetapi perjalanan 1,000 batu harus bermula daripada langkah pertama. PIN adalah langkah pertama yang penting itu. Ia bukan bermakna kita tidak mempunyai teras integriti sebelum PIN. PIN memberikan formula baru pada tradisi sedia ada. PIN memantapkan apa yang selama ini hanya cebisan daripada pelbagai gerak kerja ke arah itu. Kali ini dengan cara lebih sistematis.

PIN akan berjaya jika kita yakin negara ini memerlukan pelan seperti itu. Atau sekiranya kita percaya bahawa kita perlu mewujudkan sebuah masyarakat dan negara berintegriti. Pada masa sama PIN tidak ada maknanya jika rakyat tidak meyakini komitmen kerajaan. Atau sekiranya rakyat melihat yang korup terus berleluasa, penyelewengan menjadi budaya, sistem penyampaian terus lembap, sektor korporat tidak punya sistem tadbir urus yang betul dan pemimpin hanya cakap tetapi tidak serupa bikin. Lebih penting lagi rakyat mahu melihat orang yang berintegriti dihargai, bukan sebaliknya.

Kitalah yang harus mencorakkan PIN dan memastikan rupa dan kejayaannya. Tepuk dada tanya selera.

PETIKAN

"...Benarkah di tengah masyarakat mementingkan kebendaan dan ketika sempadan dunia semakin menghilang, soal integriti tidak lebih persoalan akademik?..."

"...Integriti penting bagi kita. Kita harus mengembalikan kewarasan. Kita harus memurnikan semula masyarakat. Kita harus memantapkan budaya integriti..."

"...Institut Integriti Malaysia (IIM) akan memastikan bahawa PIN tidak tinggal janji dan harapan. IIM diberikan amanah untuk mendekati soal pemantapan integriti secara holistik dan menjadikan PIN gagasan penting bagi negara..."

"...Teras integriti harus bermula dari akar. Akar yang sihat saja akan memastikan pohon yang subur dan rendah. Sekiranya akar rosak, pokok akan binasa..."

"...PIN akan gagal jika rakyat melihat yang korup terus berleluasa, penyelewengan menjadi budaya, sistem penyampaian terus lembap..."